

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SPU 348 - Peranan Kuasa-Kuasa Besar di Asia Tenggara

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab soalan **SATU** dan **DUA** soalan lain.

1. **SAMADA**

[a] Jelaskan secara ringkas konsep atau peristiwa yang berikut dan membincang implikasinya untuk peranan kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara:

- [i] Perang Dingin Kedua
- [ii] Pengucapan Vladivostok Gorbachev (1986)
- [iii] Penutupan pengkalan Subic dan Clark (1992)

**ATAU**

[b] Huraikan hujah-hujah utama yang diutarakan dalam buku Harry Magdoff, The Age of Imperialism dan membincang kesahihannya untuk politik serantau Asia Tenggara semasa dan selepas Perang Vietnam.

(100 Markah)

2. Apakah doktrin-doktrin yang pernah dianuti oleh Amerika Syarikat dalam dasar luarnya terhadap Asia Tenggara sejak 1954? pada pendapat anda, apakah doktrin baru yang patut dilaksanakan oleh kuasa besar ini pada masakini menyedari tamatnya Perang Dingin pada penghujung 1980an?

(100 Markah)

...2/-

3. Bagaimanakah telah faktor ideologi atau kepentingan negara memainkan peranan disebalik dasar Kesatuan Soviet terhadap Asia Tenggara dari 1945 hingga 1980an? Pada pendapat anda, faktor mana yang lebih penting?

(100 Markah)

4. Huraikan secara ringkas peralihan dan perubahan dasar luar China sejak 1970an Apakah kesan-kesannya ke atas hubungan China dengan negara-negara ASEAN?

(100 Markah)

5. Apakah faktor-faktor yang mendorong penglibatan ekonomi Jepun di Asia Tenggara sejak 1970an? Apakah anda fikir peranan yang akan dan boleh dimainkan oleh Jepun di rantau ini pada dasawarsa 1990an?

(100 Markah)

6. Anda adalah seorang pegawai kanan di Wisma Putera (Kementerian Luar Negeri Malaysia). Tulis sebuah kertas dasar terhadap Kemboja hari ini untuk disampaikan oleh Menteri Luar Malaysia di Perhimpunan Am Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

(100 Markah)

- oooOooo -